

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada perjanjian jual-beli Bandar Malaysia kepada konsortium Iskandar Waterfront Holdings dan China Railway telah dimuktamadkan. Jika ya, apakah nilai dan terma-terma utama yang dipersetujui, termasuk pinjaman-pinjaman yang berkaitan. Jika tidak, apakah sebab kelewatan dan bilakah ia dapat dimuktamadkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Share Sale Agreement ("SSA") di antara TRX City Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai 1MDB Real Estate Sdn Bhd) dan konsortium Iskandar

Waterfront Holdings Berhad (“IWH”) bersama China Railway Engineering Corporation Sdn Bhd (“CREC”) telah ditandatangani pada 31 Disember 2015 untuk pembelian 60% kepentingan ekuiti di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd (“BMSB”).

Merujuk kepada SSA tersebut, deposit 10% berjumlah RM741 juta (iaitu, 10% daripada 60% nilai tanah sebanyak RM12.35 bilion) telah diterima oleh TRX City Sdn Bhd. Seterusnya, baki bayaran akan dibuat secara pembayaran tertunggak (*deferred payment arrangement*, dengan izin), di mana konsortium IWH-CREC akan membayar faedah berjumlah 6% setahun ke atas jumlah tertunggak tersebut sehinggalah ia diselesaikan pada tahun 2023.